

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

KKM kaji penderma darah lebih 50 kali diberi vaksin

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mempertimbangkan cadangan untuk memberi keutamaan kepada penderma darah lebih 50 kali diberi suntikan vaksin pada fasa kedua Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata KKM akan membawa cadangan itu kepada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV).

"Ia cadangan yang baik dan sebagai insentif kepada penderma darah di Malaysia," katanya pada sidang media selepas melawat Pusat Darah Negara (PDN), di sini, semalam.

Baru-baru ini, terdapat cadangan daripada penderma darah supaya mereka diberi keutamaan dalam pemberian vaksin COVID-19.

Sementara itu, Dr Adham berkata, sebanyak 652,671 beg darah didermakan di seluruh negara pada tahun lalu iaitu menurun 12.3 peratus berbanding 2019 akibat pandemik COVID-19.

Bagaimanapun, beliau berkata, stok bekalan darah di seluruh negara masih mencukupi setakat ini.

Katanya, KKM sedang mengkaji keperluan untuk mengkomersialkan Sistem Pengurusan Bank Darah yang dibangunkan PDN kepada pihak swasta dan ke luar negara.

"Sistem itu membolehkan data penderma darah dan pelbagai aspek bekalan stok darah termasuk keperluan kumpulan darah, pendaftaran penderma dan kakitangan PDN," katanya.

Selain itu, Dr Adham berkata, PDN akan melanjutkan operasinya sehingga malam menjelang Ramadan supaya dapat memberi peluang penderma darah khususnya umat Islam menderma darah selepas berbuka puasa.

652,671 beg

darah didermakan seluruh negara pada tahun lalu

Penularan COVID-19

7 negeri catat pertambahan kes harian tiga angka

1,854 jangkitan keseluruhan, Sarawak catat 555 kes positif tertinggi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 1,854 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, manakala tujuh negeri mencatatkan pertambahan kes harian tiga angka dengan Sarawak tertinggi iaitu 555 kes baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini meningkat kepada 357,607 kes.

Beliau berkata, enam negeri lain turut mencatatkan pertambahan kes harian tiga angka iaitu Selangor dengan 403 kes, Pulau Pinang (176), Kelantan (143), Sabah (139), Kuala Lumpur (135)

dan Johor (103).

"Sebanyak 417 kes atau 75.1 peratus daripada jumlah kes di Sarawak adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Peningkatan kes di Sarawak adalah disebabkan oleh pertambahan kluster dalam kalangan komuniti termasuklah rumah panjang. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes adalah daripada acara keramaian dan aktiviti sosial seperti upacara pengebumian, perkahwinan, dan lain-lain keramaian.

"Semalam sahaja Sarawak turut melaporkan dua kluster baharu dalam kalangan komuniti iaitu Kluster Sungai Gemuan dan Kluster Disso," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, 58 kes atau 3.1 peratus yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di dalam penjara dan Depot Tahanan Imigrasi (DTI).

"Ia membolehkan Kluster Penjara Jalan Harapan (25 kes), Kluster Tembok Muhasabah (13 kes), Kluster Telok Mas (11 kes), Klus-

ter Tembok Pengkalan Chepa (4 kes), Kluster Tembok Sri Aman (3 kes) dan masing-masing satu kes dalam Kluster Tembok Tapah serta Kluster DTI Sepang 2," katanya.

Sehingga kini, Dr Noor Hisham berkata, seramai 14,805 kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 di negara ini dilaporkan dan daripada jumlah itu, 169 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala 79 daripadanya masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

Mengenai lima kes kematian semalam, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan tiga rakyat tempatan dan dua warga asing berusia antara 32 hingga 69 tahun iaitu tiga kes di Sarawak dan masing-masing satu di Sabah dan Kuala Lumpur, yang menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di negara ini sebanyak 1,313 kes.

Mengenai tujuh kluster baharu yang dikesan semalam, beliau berkata, empat dikesan di tempat kerja, manakala tiga membolehkan dalam kalangan komuniti.

"Kluster di tempat kerja dikenali

sebagai Kluster Sungai Kluang Satu (Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang) menjangkiti 79 kes; Kluster Jalan Ismail Sultan (Johor Bahru) menjangkiti 36 kes serta Kluster Batu Lima Jalan Sibuga (Sandakan, Sabah) menjangkiti lapan kes.

"Kluster tempat kerja yang terakhir dikesan hari ini (semalam) ialah Kluster Taman Bukit Pantai (Lembah Pantai dan Petaling) menjangkiti 20 kes," katanya.

Bagi kluster dalam kalangan komuniti pula, Dr Noor Hisham berkata, ia dikenali sebagai Kluster Sungai Gemuan (Meraong, Sarawak) dan kini sudah menjangkiti 39 kes dan kluster lain ialah Kluster Disso di Sarawak, Sarawak yang menjangkiti 24 kes serta Kluster Sim-Stim di daerah Sandakan menjangkiti 15 kes.

Selain itu beliau berkata, kes sembuh dilaporkan semalam adalah sebanyak 1,247 kes menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 341,489 kes atau 95.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Punca NCD berkaitan pemakanan

Putrajaya: Kira-kira 86.3 peratus atau 1,126 kes kematian akibat COVID-19 adalah dalam kalangan individu yang mempunyai sejarah komorbid seperti menghidap tekanan darah tinggi dan kencing manis, selain golongan berusia.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata peraturan itu adalah daripada keseluruhan 1,306 kematian yang direkodkan hingga 7 April lalu.

"Jelas sekali semua penyakit tidak berjangkit (NCD) banyak berkaitan dengan pemakanan, sekali gus risiko kematian komorbid adalah tinggi apabila dijangkiti COVID-19," katanya ketika melancarkan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021 dan Inisiatif MyChoice, di sini semalam.

Sempena sambutan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021, Dr Adham mengu-

mumkan Piramid Makanan Malaysia dan Panduan Diet Malaysia terbaharu yang mengandungi perubahan ketara, iaitu kumpulan makanan bagi sayur-sayuran dan buah-buahan diletakkan pada dasar piramid.

Sebelum ini, beliau berkata, dasar piramid ialah kumpulan karbohidrat seperti nasi, mi, roti, bijirin, produk bijirin dan ubi-ubi.

"Ini menunjukkan kepentingan pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan dalam jumlah lebih berbanding kumpulan makanan lain, iaitu sekurang-kurangnya tiga sajian sayur dan dua sajian buah-buahan setiap hari," katanya.

Mengenai MyChoice, beliau berkata inisiatif itu bertujuan menggalakkan industri perkhidmatan makanan menyediakan hidangan berdasarkan kriteria nutrien yang sihat.



Dr Adham melancarkan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021 dan Inisiatif MyChoice di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Terkini COVID-19 1,247

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

1,854 Kes baharu disahkan, semalam

1,313 Jumlah kematian dicatat

357,607 jumlah kes disahkan positif

14,805 kes yang masih dirawat

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA



ADHAM menyampaikan sijil dan plak kepada seorang pengusaha restoran yang memperoleh logo MyChoice di Putrajaya semalam.

1,126 kematian Covid-19 berkaitan kes komorbid

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kira-kira 86.3 peratus atau 1,126 kematian akibat Covid-19 adalah individu yang mempunyai sejarah komorbid seperti menghidap tekanan darah tinggi dan kencing manis, penyakit jantung dan obesiti.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, peratusan itu adalah daripada keseluruhan 1,306 kematian yang direkodkan Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Kebangsaan Kementerian Kesihatan sehingga 7 April lepas.

“Jelas sekali kesemua penyakit tidak berjangkit (NCD) banyak berkaitan dengan pemakanan sekali gus risiko kematian komorbid adalah tinggi apabila dijangkiti Covid-19,” katanya ke-

tika berucap melancarkan Bulan Pemakanan Malaysia peringkat Kebangsaan 2021 dan inisiatif MyChoice di sini semalam.

Sementara itu, Adham berkata, prevalen berlebihan berat badan dalam kalangan orang dewasa adalah 30.4 peratus pada tahun 1996 atau dalam bahasa mudahnya, satu dalam setiap dua rakyat dewasa negara ini sedang mengalami obesiti.

Katanya, hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dijalankan secara berkala terdapat peningkatan prevalen obesiti secara mendadak setiap tahun dalam kalangan orang dewasa.

“Bermula 1996, peratusan obesiti hanyalah 4.4 peratus dan ia meningkat lebih tiga kali ganda dengan menjadi 14 peratus pada

tahun 2006 di mana terus meningkat kepada 17.7 peratus pada 2015 dan pada tahun 2019, ia mencatatkan peratusan iaitu 19.7 peratus.

“Tinjauan turut menunjukkan peningkatan prevalen diabetes dalam kalangan orang dewasa iaitu daripada 11.6 peratus pada tahun 1996 kepada 15.2 peratus pada 2006 dan 17.5 peratus pada tahun 2015, manakala yang terbaharu pada tahun 2019 iaitu 18.3 peratus,” katanya.

Katanya, bagi prevalen hipertensi turut menunjukkan peningkatan daripada 32.2 peratus pada tahun 1996 kepada 32.7 peratus pada tahun 2006 namun berlaku penurunan sedikit iaitu 30.3 peratus pada tahun 2015 dan 30 peratus pada tahun 2019.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA

Kes harian tiada tanda turun tiga angka

PUTRAJAYA - Berbaki tiga minggu sebelum memasuki bulan Mei, namun kes positif Covid-19 tidak menunjukkan tanda-tanda untuk turun kepada tiga angka seperti disasarkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Malah terbaharu, jumlah kes harian negara meningkat mendadak menghampiri angka 2,000 dengan 1,854 kes dilaporkan semalam.

Angka tertinggi direkodkan di Sarawak dengan 555 kes daripada jumlah kes harian dengan 417 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan kes di Sarawak adalah disebabkan pertambahan kluster-kluster dalam kalangan komuniti termasuklah di rumah panjang.

"Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes adalah acara-acara keramaian dan aktiviti-aktiviti sosial seperti upacara pengembalian, perkahwinan dan lain-lain acara keramaian.

"Pada hari ini (semalam) sahaja, Sarawak melaporkan dua kluster komuniti yang baharu iaitu Kluster Sungai Gemuan dan Kluster Disso," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata, tujuh kluster baharu melibatkan empat kluster tempat kerja dan tiga kluster komuniti dilaporkan.

"Kluster komuniti pula ialah Kluster Sungai Gemuan dengan 39 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah komu-



niti di Sungai Gemuan, Meradong.

"Kluster Disso di Saratok, Sarawak dengan 24 kes iaitu kes indeks bergejala dan nama kluster merujuk lokaliti penularan kes dilaporkan berlaku di Jalan Disso, Saratok," ujarnya.

Ujarnya, Kluster Sungai Klau Satu pula dilaporkan di Pulau Pinang, Kluster Jalan Ismail Sultan (Johor), Kluster Batu Lima Jalan Sibuga dan Kluster Sim-Sim di Sandakan (Sabah), Kluster Taman Bukit Pantai di Kuala Lumpur dan Selangor.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, terdapat lima kes kematian di Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur melibatkan tiga lelaki dan dua wanita berusia 32 hingga 69 tahun menjadikan sebanyak 1,313 kes kematian Covid-19.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Bergantung kajian risiko

Rentas negeri sempena Ramadan masih tidak dibenarkan berikutan kes harian masih cecah 1,000

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

PETALING JAYA

Keputusan sama ada kerajaan akan membenarkan rentas negeri menjelang Ramadan bergantung kepada kajian risiko dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sekiranya kajian mendapati risikonya tinggi maka rentas negeri tidak akan dibenarkan.

"Kita jangan terlalu selesa dengan keadaan sekarang kerana kes baharu Covid-19 harian masih lagi lebih 1,000 kes.

"Waktu kita buat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh mula-mula dulu jumlah kes dilaporkan adalah 347 kes dan sekarang kes lebih 1,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kolaboratif an-



Ismail Sabri mencuba madu kelulut ketika melawat gerai pameran sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Kolaborasi antara Pharmaniaga Berhad dan UMT di Hotel Royale Chulan Damansara pada Jumaat.

tara Pharmaniaga Berhad dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Hotel Royale Chulan Damansara di sini pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, dalam situasi sekarang, kerajaan membuka ekonomi kerana mahu membantu rakyat untuk terus hidup kerana jika sektor ekonomi ditutup seperti PKP 1.0, ia akan memberi kesan besar terutama kepada peniaga mikro dan sebagainya.

"Walaupun kita buka (ekonomi), kita kawal. Keadaan nampak dah tenang ketika ini tetapi kes positif Covid-19 masih ada sekitar kita dengan jumlah masih lebih 1,000 kes.

"Jadi, apa pun tunggulah keputusan yang dibuat KKM," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, tindakan tegas perlu diambil sekiranya terdapat penglibatan orang dalam membabitkan kes tular borang rentas negeri kosong yang sudah ditandatangani serta dicop pihak berkuasa.

Menurutnya, keadaan itu telah melanggar peraturan yang ditetapkan kerana pemohon kebenaran rentas negeri perlu melalui prosedur yang ditetapkan.

"Kalau keadaan seperti itu berlaku, ia memang salah dan tindakan mesti diambil kepada pihak yang mengeluarkannya," katanya.

Penerima vaksin perlu sahkan janji temu dalam tempoh 48 jam

PUTRAJAYA - Penerima vaksin Covid-19 diingatkan supaya mengesahkan kehadiran janji temu dalam tempoh 48 jam selepas menerima butiran dan tarikh untuk divaksin.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Covid-19 Immunisation Task Force (CITF), kegagalan memberikan pe-

ngesahan akan menyebabkan janji temu dibatalkan dan dijadualkan semula serta slot untuk janji temu tersebut diberikan kepada orang lain.

"Sekiranya mereka mengesahkan untuk hadir bagi janji temu vaksinasi, perincian akan kehadiran mereka untuk hari yang telah ditetapkan akan dihantar tiga

dan sehari sebelum tarikh vaksinasi," kata kenyataan itu pada Jumaat.

Menurut CITF, proses notifikasi untuk penerima vaksin bagi fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan akan dimaklumkan melalui dua kaedah iaitu aplikasi MySejahtera dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

CITF menyatakan notifikasi itu akan diberikan kepada mereka yang telah berdaftar atau yang telah didaftarkan oleh tanggungan masing-masing.

Bagi mereka yang tidak mendaftar melalui MySejahtera, butiran janji temu akan dihantar melalui SMS. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes positif melonjak 1,854

Acara keramaian dan sosial punca peningkatan kes di Sarawak

Oleh TUAN BUQHAIKHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes harian positif Covid-19 terus melonjak dengan 1,854 kes baharu dilaporkan Kementerian Kesehatan Malaysia (KKM) pada Jumaat. Ketua Pengarah Kesehatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan

kes adalah 357,607 kes. "Terdapat 20 kes import dan 1,834 kes penularan dalam negara membabitkan 1,618 rakyat tempatan dan 216 warga asing. "Seramai 79 pesakit Covid-19 memerlukan bantuan pernafasan dengan 169 dirawat di unit rawatan rapi," katanya dalam kenyataan pada Jumaat. Beliau berkata, KKM menerima lima kematian berkaitan Covid-19 melibatkan empat rakyat tempatan dan seorang warga asing. "Kes kematian dilaporkan di Selangor, Sarawak dan Sabah. "Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian 1,313 kes," katanya. Menurutnya, kes pulih sepenuhnya daripada Covid-19 adalah 1,247 menjadikan jumlah

kumulatifnya 341,489. Mengulas lanjut mengenai penularan dalam negara, beliau berkata, Sarawak menjadi negeri tertinggi melaporkan kes jaitu 555. "Daripada jumlah ini, sebanyak 417 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan. "Selangor melaporkan 403 kes diikuti Pulau Pinang (176) dan Kelantan (143)," katanya. Katanya, Sabah merekodkan 139 kes, Kuala Lumpur (135) dan Johor (103). "Negeri Sembilan (40), Kedah (40), Melaka (34), Perak (29), Terengganu (29), Putrajaya





DR NOOR HISHAM

(enam) dan Labuan (tiga). "Sementara Perlis tidak melaporkan sebarang pertambahan," katanya. Mengulas mengenai kes tinggi di Sarawak, Dr Noor Hisham berkata, acara keramaian dan aktiviti sosial seperti upacara pengebuan dan perkahwinan punca peningkatan kes. "Peningkatan kes di negeri itu disebabkan oleh pertambahan kluster dalam kalangan komuniti termasuklah rumah panjang. "Pada hari ini sahaja, Sarawak melaporkan dua kluster komuniti yang baharu iaitu Kluster Sungai Gemuan dan


Kluster Disso," katanya. Menurutnya, Kluster Sungai Gemuan dikenalpasti di Meradong selepas kes indeks dilaporkan positif pada 28 Mac hasil saringan individu bergejala. "Sehingga Jumaat, 260 telah disaring dan 39 didapati positif Covid-19," katanya. Beliau berkata, Kluster Disso dikesan di Saratok apabila kes indeks didapati positif pada 31 Mac dan 24 kes dikesan positif selepas 208 individu disaring. Menurutnya, sehingga kini terdapat 1,442 kluster dikenalpasti sejak pandemik Covid-19 melanda negara pada Mac tahun lalu. "Daripada jumlah itu, 1,100 telah tamat dan 342 kluster aktif," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



| JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI | | | | | |
|---|---------|-----|----------|------------|----------------|
| JUMLAH KESELURUHAN | PULIH | KU | KEMATIAN | KES BAHARU | SUDAH DIVAKSIN |
| 357,607 | 341,489 | 169 | 1,313 | +1,854 | 919,721 |

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 355,753 kes kepada 357,607 kes



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

New virus cases at 1,854 as Sarawak tops list

KUALA LUMPUR: The number of daily new Covid-19 cases is rising in Malaysia, with almost 2,000 infections recorded yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 1,854 new Covid-19 cases were reported yesterday, higher than the 1,285 and 1,139 recorded on Thursday and Wednesday, respectively.

The new figure brings the total number of cases to 357,607, with 14,805 active cases nationwide.

Of the new cases, 20 were imported, involving five Malaysians and 15 non-citizens.

Dr Noor Hisham said Sarawak had the most new cases at 555, followed by Selangor (403) and Penang (176).

He said 417 of Sarawak's new cases were from clusters and close contact screenings.

"Sarawak is seeing an increase in Covid-19 cases due to the emergence of community clusters, including those at longhouses.

"The contributing factors are crowds at gatherings and social activities, such as funerals, weddings and other celebrations.

"Today (yesterday), Sarawak reported two new community clusters, Sungai Gemuan and Disso."

Five new Covid-19 deaths were reported yesterday — three in Sarawak and one each in Sabah and Kuala Lumpur. The deaths involved three Malaysians and two non-citizens, aged 32 to 69.

Dr Noor Hisham said 58 new cases were linked to prisons and Immigration detention centres, including the Jalan Harapan Prison (25), Tembok Muhasabah (13), Telok Mas (11), Tembok Pengkalan Chepa (four), Tembok Sri Aman (three), Tembok Tapah (one) and Sepang Immigration detention centre (one) clusters.

States that recorded three-digit

rise in cases were Kelantan (143), Sabah (139), Kuala Lumpur (135) and Johor (103).

A total of 1,247 people recovered from Covid-19 yesterday, bringing the total number of recoveries to 341,489.

He said 169 patients were being treated at Intensive Care Units, with 79 on ventilator support.

The Health Ministry yesterday identified seven new Covid-19 clusters, with four at workplaces and three in the community.

The workplace clusters were in Sungai Kluang Satu, Penang; Jalan Ismail Sultan, Johor; Batu Lima Jalan Sibuga, Sabah; and, Lembah Pantai in Kuala Lumpur and Petaling in Selangor.

The Sungai Kluang Satu cluster originated from a factory in Hilir Sungai Kluang 1, Bayan Lepas Free Industrial Zone, Penang.

"This workplace cluster involves Barat Daya, Timur Laut, Seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah and Seberang Prai Selatan districts in Penang. The cluster has logged 79 positive cases out of 1,769 individuals screened."

The Jalan Ismail Sultan cluster involving workers of a supermarket in Jalan Ismail Sultan, Gelang Patah, Johor Baru, had 36 cases.

The Batu Lima Jalan Sibuga cluster involving students and workers of an education centre in Sandakan had eight positive cases out of 144 people screened.

The Taman Bukit Pantai cluster involving students of an education centre in the same area was detected when the index case tested positive on April 7 via symptomatic screening. Of 74 people screened, 20 were positive.

The three community clusters were detected in Sungai Gemuan and Disso in Sarawak and Sim-Sim in Sabah.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Sarawak tops new Covid-19 cases list

PETALING JAYA: Sarawak recorded the highest new daily Covid-19 cases with 555 as the country registered 1,854 new infections.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the cases in Sarawak, 417 were detected from existing clusters and close contact screenings.

"The increased cases in Sarawak is due to a rise in the number of clusters, including those in long-houses.

"The factors that contribute to the increase in cases are social and mass gatherings such as funerals, weddings and others," he said in a statement yesterday.

The country recorded seven new clusters of which four were linked to

the workplace while the remaining three were from the community.

Sabah recorded two new clusters – the Sim-Sim cluster and the Batu Lima Jalan Sibuga cluster.

Selangor/Kuala Lumpur, Johor and Penang each recorded one new cluster known as the Taman Bukit Pantai, Jalan Ismail Sultan and Sungai Kluang Satu respectively.

Dr Noor Hisham said Sarawak recorded two new community clusters known as the Sungai Gemuan cluster and the Disso cluster.

The Sungai Gemuan cluster, he said, was a community cluster found in Maradong.

"The index case in this cluster tested positive for the virus on March 28 after a symptomatic indi-

vidual screening.

"This cluster involves a community in Sungai Gemuan, Meradong," he said, adding that 260 individuals had been tested, of which 39 were positive for the virus.

In the Disso community cluster detected in Saratok, Sarawak, Dr Noor Hisham said the index case tested positive for the virus on March 31 after a symptomatic individual screening.

To date, he said 208 individuals in this cluster had been screened, of which 24 tested positive.

Of the 1,854 new cases, Dr Noor Hisham said 1,834 cases were locally transmitted while 20 were imported.

In the new daily cases, 58 were

detected from the prison and the immigration detention depot clusters involving the Jalan Harapan prison cluster (25 cases), Tembok Sri Aman cluster (three), Tembok Muhasabah cluster (13), Teluk Mas cluster (11), Pengkalan Chepa cluster (four), DTI Sepang cluster (one) and Tembok Tapah cluster (one).

Dr Noor Hisham added that 1,247 people recovered, bringing the cumulative discharged cases to 341,489.

The total active cases in the country stands at 14,805 cases.

Currently, 169 patients are in intensive care, with 79 requiring ventilator support.

Five deaths were also recorded, bringing the death toll to 1,313.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

Priority for blood donors in next vaccination phase mulled

KUALA LUMPUR: The Health Ministry (MOH) is looking into a proposal that will allow those who have donated blood more than 50 times to be given priority in the second phase of the National Covid-19 Immunisation Programme.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said MOH will raise the matter with the Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee.

"It is actually a good proposal

and an incentive for blood donors in the country," he told a press conference after a visit to the National Blood Centre (PDN) here yesterday.

There have been suggestions by blood donors that they be given priority in the Covid-19 vaccination exercise.

Meanwhile, Dr Adham said 652,671 blood bags were collected nationwide in 2020, a drop of 12.3% compared to the previous year, adding that the decline was

due to the pandemic.

However, Dr Adham said blood stock throughout the country was still sufficient.

Dr Adham said MOH was studying the need to commercialise the Blood Bank Management System developed by PDN to the private sector and abroad.

Elaborating further, he said the system covered blood donor data and various aspects of blood stock, including blood group requirements, donor registration and

PDN staff.

He also said during Ramadan, PDN will continue its operations until night to allow blood processing to continue and for blood donors, especially Muslims, to donate blood after breaking fast.

Dr Adham added that blood donation campaigns can continue to be held during the month of Ramadan as blood stock is expected to drop during this period. —
Bernama

"It is actually a good proposal and an incentive for blood donors in the country."

Datuk Seri Dr Adham Baba